

PERKEMBANGAN SOSIAL-EKONOMI MASYARAKAT
MELAYU PATANI DI BANDAR KOTA BHARU,
KELANTAN. SATU KAJIAN KES MELALUI PERSATUAN
KEBAJIKAN DARUL'ARIF (PESAKA)

MOHD. ZAFRULLAH HJ.ARIFIN

JABATAN PENGAJIAN ASIA TENGGARA
FAKULTI SASTERA & SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

1994/95

PEMBAWANGAN SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT
MELAYU PATANI DI BANDAR-KOTA BHARU,
MELANTAN, SATU KAJIAN FRS MELALUI PERSATUAN
KEBAJIKAN DARUL SAMF (FESAKA).

MOND, ZAFRUDDIN HIL ARIFIN

JABATAN PENGAJIAN ASIA TENGGARA
FAKULTI SASTERA & SAINS SOSIAL

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

1994/95

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Masyarakat Melayu Patani dan bandar Kota Bharu adalah merupakan dua istilah yang mempunyai hubungan kait yang sangat intim. Pengalaman sejarah telah membuktikan negeri Kelantan dan Terengganu pada zaman dahulu pernah terletak di bawah naungan negeri Patani. Walaupun demikian, oleh kerana faktor-faktor politik, maka negeri Patani yang pada masa dahulunya sebuah empayar yang agung, kini menjadi seolah-olah *pengemis* di negeri sendiri ataupun kata pepatah Melayu *hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri*.

Senario yang berlaku di negeri Patani pada hari ini begitu menyayat hati. Dalam arena perjuangan yang tidak mengenal erti lelah, mereka telah cuba berusaha bersungguh-sungguh untuk membebaskan tanah air mereka dari cengkaman penjajahan kerajaan Thailand.

Oleh yang demikian, keadaan keselamatan yang tidak terjamin di sana telah menyebabkan ramai di antara mereka yang telah melarikan diri ke Kelantan khususnya dan Semenanjung Malaysia amnya sama ada untuk menyelamatkan diri buat sementara waktu ataupun mencari dan memulakan satu penghidupan baru di sini.

Kota Bharu adalah antara tempat yang ditujui oleh kelompok masyarakat Melayu Patani ini walaupun sebelum daripada itu mereka mengalami proses penghijrahan yang berperingkat-peringkat . Ada setengahnya yang datang terus menetap di sana dan memulakan penghidupan baru. Dalam proses kehidupan manusia seharian, memang tidak dapat tidak, kegiatan ekonomi tetap berjalan sama ada untuk mencari nafkah untuk menampung kehidupan yang lebih baik . Apatah lagi mereka berada di perantauan.

1.1 Objektif Kajian

Melihat kepada tajuk kajian ilmiah ini, dapat dirumuskan bahawa beberapa aspek yang akan dikupas dan dikaji . Antaranya ialah :

- i) Sejauhmanakah peranan masyarakat Melayu Patani melalui Persatuan Darul Arif (PESAKA) dalam aspek pembangunan ekonomi dan asimilasi sosial di bandar Kota Bharu, Kelantan.
- ii) Penglibatan ahli masyarakat Darul `Arif dalam aktiviti ekonomi bandar Kota Bharu - sama ada aktif atau tidak. (sejauhmana sumbangan yang diberikan)
- iii) Jenis aktiviti ekonomi yang didominasi oleh kebanyakan masyarakat Darul `Arif.
- iv) Persepsi atau pandangan masyarakat Darul `Arif terhadap ahli yang berkecimpung dalam aktiviti ekonomi di bandar Kota Bharu.

1.2 Bidang dan Sempadan Lokasi Kajian

Sempadan atau had lokasi kawasan kajian adalah di dalam lingkungan sempadan Majlis Perbandaran Kota Bharu sahaja. (lihat peta yang terlampir). Pemilihan ini adalah bersesuaian dengan tajuk kajian yang dibuat. Malah responden yang diambil pula adalah mereka yang tinggal di bandar Kota Bharu sahaja iaitu seramai 30 orang. Kita akan cuba melihat di sini bagaimanakah peranan yang dimainkan oleh pihak responden ini terhadap bidang perniagaan yang mereka ceburi dan asimilasi sosial di bandar Kota Bharu. Berdasarkan kepada pemerhatian, pihak pengkaji mendapati bahawa terdapat sesetengah individu daripada mereka telah berjaya hingga ke tahap yang membanggakan di dalam perniagaan di Kota Bharu.

1.3 KAEDAH KAJIAN

Beberapa kaedah telah dilakukan untuk membantu pengkajian ini. Kaedah tersebut ialah :-

a) **Persampelan**

Sampel utama yang digunakan dalam kajian ini ialah **Persatuan Kebajikan Darul 'Arif (PESAKA)**. PESAKA adalah merupakan sebuah persatuan yang berbentuk kebajikan yakni antara matlamat utamanya adalah untuk menjaga kebajikan masyarakat Darul Arif yang berada di sini. Persatuan ini juga bertindak untuk menaungi ahli-ahli persatuan yang menghadapi masalah sama ada kewangan, ekonomi dan sebagainya. Pihak pengkaji mendapatkan responden untuk kajian adalah melalui senarai ahli persatuan ini yang bermastautin dan menjalankan operasi perniagaan di Kota Bharu sahaja.

b) Borang Soal Selidik

Kaedah ini merupakan kaedah kedua yang mana melalui responden tersebut, pihak pengkaji mengedarkan borang untuk mengetahui maklumat yang berkaitan dengan tema kajian ini. Hanya seramai 30 orang sahaja yang sempat diambil sebagai responden. Beberapa aspek yang ditekankan dalam borang soal selidik ini iaitu berkaitan dengan proses migrasi, kegiatan ekonomi, asimilasi sosio dan budaya.

c) Pemerhatian

Sepanjang tempoh kajian, beberapa hal telah menjadi pemerhatian penyelidik termasuklah operasi perniagaan yang dijalankan, sikap dan reaksi terhadap penyelidikan yang sedang dijalankan.

d) Temubual

Kaedah ini juga penting untuk membantu kajian terutama untuk mengetahui tentang sejarah dan sikap mereka

secara umum. Beberapa individu sasaran yang ditemubual termasuklah individu yang veteran dalam persatuan dan ahli sejarah yang lain

e) **Kepustakaan**

Penyelidik juga mengambil beberapa maklumat tentang beberapa perkara tentang masyarakat Darul 'Arif dan bandar Kota Bharu terutama dalam menyoroti kembali sejarah dan fakta-fakta tertentu.

1.4 MASALAH KAJIAN

Penyelidik terpaksa menghadapi beberapa masalah dan halangan dalam memastikan kelangsungan penyelidikan ini dapat diteruskan. Antara masalah-masalah yang telah dikenalpasti ialah :

a) Masalah maklumat yang dikumpul daripada borang soal selidik mungkin tidak berapa tepat kerana sesetengah responden mengisinya secara sambil lewa. Masalah ketidakfahaman dan kejelasan soalan juga mungkin menjadi faktor

yang membawa kepada maklumat yang tidak tepat. Oleh yang demikian kadang kala penyelidik terpaksa menyoal sendiri berpandukan soalan di dalam borang soal selidik.

b) Sikap responden yang membawa kepada reaksi yang kurang mendapat sambutan terhadap kejujuran penyelidik. Nampaknya ada di antara mereka yang mempunyai atau mengambil sikap tidak mahu memberikan kerjasama kerana masih ada perasaan syak wasangka yang tinggi terhadap penyelidik. Berdasarkan temubual yang dibuat, didapati bahawa individu tersebut adalah bekas pejuang yang pernah terlibat di dalam perjuangan pembebasan Patani. Mereka bimbang dan tahu bahawa pemburuan oleh kaki mata-mata gelap pihak berkuasa Thailand masih lagi diteruskan sehingga ke hari ini.

c) Pertukaran alamat. Terdapat segelintir diantara mereka yang telah berpindah ke tempat lain. Keadaan ini telah menyukarkan sedikit sebanyak gerak kerja penyelidik .

1.5 TEORI MIGRASI & ASIMILASI

Teori migrasi adalah penting dikemukakan untuk melihat sejauhmana kebenaran pengaplikasian dan ketepatan bidang kajian yang dibuat dalam penyelidikan ini. Sehubungan dengan itu, beberapa teori migrasi oleh sebilangan sarjana akan cuba dikupas terutama teori yang berkaitan dengan keadaan dan kondisi di Asia Tenggara.

Beberapa orang sarjana yang agak terkenal dalam membahaskan teori migrasi ini adalah seperti *Browning (1971)*, *Macisco (1975)*, *Speare (1974 ; 1983)*, *Zachariah (1966)*, *Abu Lughod (1961)*, *Lerner (1967)*, *Nelson (1969)*, *Price (1969)*, *Richmond (1969)*, *Pryor (1979)*, *Mc Gee (1982)* dan *Goldscheider (1980)*.

Pada kebiasaannya, pengkajian terhadap bidang teori migrasi akan melibatkan tiga elemen penting iaitu¹ ;

¹ Alden Speare, Jr., *Methodological Issues in the Study of Migrant Adjustment* dlm. Goldscheider, Calvin (ed.), *Urban Migrants in Developing Nation; Patterns and Problems of Adjustment*, Westview Press, United States of America, 1983, hlm. 21.

- i) Kawasan yang ditinggalkan oleh migran yang berhijrah keluar ; yang juga diistilahkan sebagai *migrasi keluar*.
- ii) Destinasi baru yang dibangunkan atau menetap ; yang juga diistilahkan sebagai *migrasi ke dalam*.
- iii) Jarak waktu yang dikira semasa proses migrasi itu berlangsung.

Pengalaman migrasi yang berlaku di Asia Tenggara adalah nyata berbeza dengan apa yang berlaku di negara-negara Barat. Oleh yang demikian, pelbagai teori migrasi dari Barat yang telah diperbahaskan. Perbahasan ini menyentuh pelbagai aspek agar ianya bersesuaian dengan kondisi yang ada di Asia Tenggara. Umpamanya seorang sarjana *T.G. Mc Gee* (sarjana teori Perbandaran di Dunia Ketiga) seringkali membahaskan teori-teori yang berkaitan dengan proses migrasi di Dunia Ketiga.

Dalam rangka untuk mendefinisikan migrasi ini, beberapa perkara yang perlu dikenalpasti iaitu fokus utama yang mesti ada

ialah sama ada mereka itu akan kekal di situ atau pun tidak pasti dan juga jarak masa yang panjang.²

Menurut *Speare* lagi, dalam migrasi antarabangsa mereka selalunya lebih banyak mengalami perubahan daripada aspek sosial, politik dan persekitaran budaya daripada migran dalaman. Namun begitu, bagi masyarakat Melayu Patani yang diambil sebagai sampel dalam kajian ini memperlihatkan bahawa mereka tidak mempunyai perbezaan yang nyata dari aspek tersebut kerana berlatarbelakangkan sosio budaya yang sama dengan masyarakat Melayu Kelantan.

Selain daripada itu, sekiranya migran sementara yang datang ke bandar untuk berurusan dalam aspek perniagaan atau berjual beli ataupun mereka yang mempunyai pekerjaan utamanya yang terlibat dalam bidang pertanian dan datang ke bandar pada suatu masa tertentu untuk bekerja sementara adalah tidak termasuk di dalam definisi migrasi.

Justeru itu, *Speare* telah menyatakan bahawa adalah sukar untuk mendefinisikan migrasi mengikut waktu yang spesifik,

² *Ibid.*, hlm. 22.

namun beliau cuba meletakkan tempoh enam bulan sebagai tempoh yang boleh dianggap sebagai waktu yang paling minima untuk diterima sebagai definisi migrasi.

Pendekatan yang berbeza pula cuba dikemukakan oleh *Goldscheider* yang mendefinisikan migrasi melalui jenis-jenis migrasi yang ada iaitu secara implisit dan eksplisit. Beliau berpendapat bahawa kebanyakan migrasi adalah tidak seragam.

Seterusnya beliau menambah bahawa terdapat beberapa kriteria lain yang juga penting dalam melihat jenis-jenis migrasi iaitu termasuklah kandungan dalam migrasi itu sendiri, umpamanya individu, keluarga, kanak-kanak, rantaian - mass migrasi ; dan juga arah tuju migrasi sama ada bandar ke bandar, luar bandar ke bandar, luar bandar ke luar bandar ataupun bandar ke luar bandar.³

Di samping itu, *Pryor* pula cuba mengklasifikasikan proses migrasi berdasarkan kepada perspektif demografi. Antara karektor migran adalah melibatkan unsur-unsur seperti umur (20 - 34 tahun

³ Goldscheider, Calvin., *Modernization, Migration and Urbanization* dlm. Morrison, Peter. A. (ed.), *Population Movements : Their Forms and Functions in Urbanization and Development*, Ordina Edition, Liege, Belgium, 1980, hlm. 49 - 50.

; umur yang paling tinggi) ; jantina dan status perkahwinan (lelaki lebih ramai) ; pendidikan (luar bandar ke bandar - pendidikan tinggi) ; tenaga buruh (mencari kerja) dan pekerjaan (sektor ekonomi yang lebih baik).⁴

Dalam hal tersebut, ada diantara mereka yang berhijrah ke bandar mempunyai perancangan sama ada untuk terus menetap dan kekal di situ, manakala yang lain-lain pula merancang untuk berpindah lagi dalam beberapa hari, minggu, bulan ; malah terdapat juga yang tidak mempunyai perancangan yang tetap.

Apabila selepas berhijrah ke suatu destinasi, maka apa yang menjadi persoalan untuk difikirkan oleh migran ialah bagaimanakah penyesuaian ataupun asimilasi yang harus dilakukan ditempat tersebut. Terdapat beberapa teori dan pendapat yang cuba menjelaskan keadaan ini. Ada yang mengira penyesuaian tersebut berdasarkan kepada pencapaian tertentu seperti pendidikan, prestij pekerjaan, pendapatan, kualiti rumah dan sebagainya.

⁴ Pryor, Robin.J.(ed.), *Migration and Development in SEA : A Demographic Perspective*, Kuala Lumpur, Oxford University Press,1979, hlm. 232.

Penyelidikan yang lepas telah menyaksikan bahawa terdapatnya konflik dalam beberapa pandangan terhadap penyesuaian dan asimilasi migrasi ini seperti apa yang pernah diutarakan oleh *Abu Lughod (1961)*, *Lerner (1967)* dan *Nelson (1969)*.

Sebilangan pengkaji mendapati bahawa adalah sukar bagi migran untuk menyesuaikan diri ke arah cara hidup bandar; manakala yang lain pula mendapati bahawa migran ini secara relatifnya mudah untuk menyesuaikan diri ke dalam cara hidup di bandar sepertimana pendapat *Browning (1971)*, *Macisco (1975)*, *Speare (1974)* dan *Zachariah (1966)*.

Proses penyesuaian dikatakan akan menjadi lebih sukar bilamana migran mempunyai latar belakang budaya yang jauh berbeza dengan masyarakat setempat destinasi yang ditujui. Menurut *Price (1969)* dan *Richmond (1969)*, masalah ini nampaknya lebih ketara seandainya mereka tidak mempunyai bahasa yang sama dan juga norma-norma hidup yang berbeza. Keadaan ini seringkali terjadi kepada migran antarabangsa.

Walaupun demikian, sekiranya latar belakang budaya migran sama dengan penduduk tempatan, maka kemungkinan mereka hanya berbeza dari aspek umur, pendidikan dan kemahiran vokasional sahaja. Di sesetengah bandar, migran mungkin mempunyai tahap pendidikan dan kemahiran yang lebih tinggi daripada penduduk tempatan.⁵ Teori ini adalah bertepatan dengan hasil kajian dalam latihan ilmiah ini.

Oleh itu, jika sesetengah daripada mereka mempunyai kemahiran tertentu, adalah dijangkakan bahawa mereka boleh melakukan kerja yang lebih baik daripada masyarakat tempatan. Hal ini ada juga kebenarannya kerana sebahagian besar daripada mereka yang terlibat didalam kajian ini adalah menceburi bidang perniagaan. Dalam pada itu, terdapat juga segelintir migran yang mempunyai kualiti kemahiran yang luar biasa seperti cerdik, berdaya cipta dan saing. Mereka ini barangkali akan lebih berjaya daripada penduduk tempatan yang mempunyai tahap pendidikan yang sama. Namun begitu, jumlah mereka seperti ini adalah kecil sahaja yang berjaya menempa kejayaan. Malah kejayaan tersebut

⁵ Alden Speare, Jr., *op.cit.* hlm. 21.